

## **PENGETAHUAN PARA PENIAGA KECIL TERHADAP PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: SATU TINJAUAN**

### **Small Entrepreneurs' Knowledge of Halal Certification Applications in Brunei Darussalam: A Review**

Suhaiella Suhaili<sup>1</sup>  
Fatin Rabia'tul Adawiyah Mohammed Fareed<sup>2</sup>  
Norwidayawati Metusin<sup>3</sup>

#### **ABSTRACT**

*Business conducted based on Islamic law will certainly provide many elements of benefits to fellow human beings. In order to improve the country's economy and also as a platform to develop local products, entrepreneurs are advised to generate*

<sup>1</sup> PhD Alumni, Faculty of Education, Seri Begawan Religious Teachers University College (KUPUSB), Negara Brunei Darussalam, Suhaila\_hs@hotmail.com

<sup>2</sup> PhD Candidate, Sultan Omar 'Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies, University Brunei Darussalam (UBD), Negara Brunei Darussalam, frabiatul2608@gmail.com

<sup>3</sup> Assistant Professor, Faculty of Syariah, Seri Begawan Religious Teachers University College (KUPUSB), Negara Brunei Darussalam, norwidayawati.metusin@kupusb.edu.bn

*their income through products produced to meet the needs of life. This study aims to identify the knowledge and awareness of entrepreneurs in Brunei Darussalam regarding the application of halal certificates/permits as well as the factors that cause entrepreneurs not to apply for halal certificates/permits. Quantitative methods using questionnaires are targeted at 100 small entrepreneurs engaged in online (online) and non-online (delivery) businesses. The findings of the study show that although the majority of small entrepreneurs know about the application for certificates/permits, there is also the majority of entrepreneurs who have not applied for several factors. Meanwhile, for entrepreneurs who have applied, there are several rationales that cause them to apply, which are to ensure the continuity of business and to carry out their responsibilities as Muslim entrepreneurs. This study suggests that the Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) can work with related agencies in monitoring and create a new law to enforce the Halal Certificate and Halal Label Order, to safeguard the interests of Muslim consumers.*

**Keywords:** awareness, small entrepreneur, halal certificate/permit.

## PENGENALAN

Setiap umat Islam wajib mencari dan memakan makanan yang halal lagi baik (*halalan toyyiban*). Memilih makanan yang halal merupakan suatu perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat Islam dari pelbagai sudut, khususnya dari aspek kerohanian, kesihatan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Justeru itu, tindakan memilih makanan dan minuman yang halal merupakan perkara yang wajib diutamakan dalam kehidupan kerana hal ini menjadi salah satu faktor yang turut menyumbang dalam pembentukan jati diri dan rohani individu pada setiap peringkat umur. Berkenaan kepentingan memakan makanan yang halal, Allah Subhanahu Wa Ta‘ala telah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوْنَا فِي الْأَرْضِ حَلَّا طَيْبًا وَلَا تَتَّبِعُوا حُطُوتَ الشَّيْطَنِ إِنَّ اللَّهَ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

*“Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 168)

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘Anhu berkata bahawa Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wassalam bersabda :

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَبِيبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيْبًا، وَإِنَّ اللَّهَ أَمْرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمْرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوْنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوْنَا صَالِحًا – وَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوْنَا مِنْ طَيِّبَاتِ مَارِزَقَنَاكُمْ – ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطْبِلُ السَّفَرَ أَشْعَثَتْ أَغْبَرَ يَمْدُدُ يَدَهُ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبَّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرِبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبُسُهُ حَرَامٌ وَغُدِّيٌ بِالْحَرَامِ فَلَمَّا يُسْتَحَابُ لَهُ.

*“Sesungguhnya Allah Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah Ta’ala, “Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh”. Dan firmanNya, “Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik-baik yang telah kami anugerahkan kepadamu.” Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki melakukan perjalanan yang jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, lalu dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, “Wahai Rabbku, Wahai Rabbku.” Padahal makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dimakbulkan?.”<sup>4</sup>*

Berdasarkan ayat dan hadith di atas menunjukkan bahawa betapa pentingnya bagi umat Islam untuk memilih makanan yang halal lagi baik.

<sup>4</sup> Sharḥ Imām Muhyī al-Dīn al-Nawawī, Ṣaḥīḥ Muslim, vol. 7-8 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2010), 101-102, Kitāb Zakāh, Bāb Qabūl Al-Ṣadaqah Min al-Kasb al-Tayyib wa Tarbītuha, no. ḥadīth 2343.

Selain itu, mengambil makanan yang halal lagi baik juga mengandungi beberapa hikmah, antaranya ialah seseorang itu mendapat hidayah Allah Ta‘ala, doa mudah dimakbulkan, mendapat keredhaanNya, menajamkan fikiran, mendapat kekhusyu‘an dalam beribadah, menjadi penawar (ubat) dan menyihatkan tubuh badan.<sup>5 6</sup>

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 adalah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Dalam pada itu, dengan mengikut arus teknologi dan kemudahan semasa, perniagaan secara dalam talian (*online*) dilihat semakin menunjukkan peningkatan dalam memangkin pendapatan ekonomi dengan menawarkan pelbagai jenis produk kepada pelanggan, termasuk produk makanan dan minuman. Berhubung dengan produk makanan dan minuman, terdapat juga satu cara perniagaan yang lazim digunakan bagi mengedarkan dan menjual kedua produk ini, iaitu dengan cara menghantarkan produk tersebut ke tempat-tempat perniagaan, seperti kedai runcit, gerai dan *cube*, kemudian pembeli akan datang ke tempat berkenaan dan membeli produk tersebut. Bentuk perniagaan ini merupakan rantaian penghantaran dan penyimpanan produk makanan dan minuman yang menjadi satu *trend* bagi memberikan kemudahan kepada para peniaga dan pembeli atau pelanggan. Penyediaan makanan yang halal lagi baik merupakan satu elemen yang perlu dititikberatkan dalam konsep penghantaran dan penyimpanan barang, bahkan agama Islam turut menitikberatkan kepentingan tersebut dalam kehidupan.<sup>7</sup>

Bagi meyakinkan orang ramai akan kehalalan produk makanan dan minuman yang dihasilkan, para peniaga perlulah menyedari kepentingan memohon pensijilan halal. Di Brunei Darussalam pensijilan halal memberikan suatu jaminan kepada pengguna terhadap kehalalan suatu

<sup>5</sup> Irsyad Hukum, *Himpunan Siri Bimbingan Hukum Di Pelita Brunei*, (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, 2011), 176-178.

<sup>6</sup> Siti Radhiah dan M. Shahrim, *Bab 3: Halalan Toyyiban: Perspektif Isu Logo Halal, Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*, (Universiti Putra Malaysia: Institut Penyelidikan Produk Halal, 2013), 30-60.

<sup>7</sup> Mohammad Firdaus, Faiqah Mawardi dan Sylvia Nabilah, *Halal Logistik: Kesedaran Konsumen Terhadap Pengendalian dan Penyimpanan Produk Makanan*, (Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-10, Universitas Mulawarman, Samarinda, 2017), 215-219.

produk dan juga kebersihan premis perniagaan. Pensijilan halal merupakan suatu dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti bagi mengesahkan bahawa sesuatu produk itu menepati garis panduan yang ditetapkan dalam agama Islam. Dengan adanya pensijilan halal, ia mampu memberi keyakinan kepada pelanggan mengenai status halal sesuatu produk bahawa tiada sumber yang diragui di dalamnya sama ada dalam bentuk makanan, minuman, kosmetik dan sebagainya.<sup>8 9</sup>

Berkaitan dengan pentingnya bagi peniaga memperoleh pensijilan halal, di samping untuk merealisasikan gagasan Negara Zikir, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melantik Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (JMUIB). Jabatan ini bertanggungjawab dalam urusan memberikan kelulusan berkaitan pensijilan halal, termasuk pelaksanaan Akta Daging Halal Penggal 183, Aturan-Aturan Daging Halal 1999 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

Manakala Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) pula diamanahkan dan dipertanggungjawabkan oleh JMUIB bagi mengawal dan memantau segala urusan makanan halal yang disediakan dan diedarkan di negara ini, baik yang disediakan di restoran, kedai makan, kilang produk makanan, tempat perniagaan dan seumpamanya.<sup>10</sup> Menerusi inisiatif Kebawah Duli, badan-badan berwajib telah ditubuhkan bagi mengkaji, mengawal, memantau dan memeriksa hal ehwal daging yang dibekalkan dan makanan-makanan dari aspek hukum halal dan haram.

Berdasarkan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 2015-2019, salah satu bidang fokus strategik adalah berkenaan permakanan dan barang gunaan halal dan suci, bagi memperkuuh sijil halal dan label halal. Sehubungan itu, antara strategi yang dilaksanakan oleh kementerian berkenaan iaitu meningkatkan penguatkuasaan bagi memantau penggunaan dan kesalahan-kesalahan di bawah Pensijilan Halal dan Label Halal serta membuat pindaan bagi peruntukan kesalahan dengan

<sup>8</sup> Ahmad Hidayat dan Zulzaidi, "Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia," *Jurnal Syariah* 20, no. 2 (2012):271-288.

<sup>9</sup> Norkhairiah Hashim, "Proses Pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam dan Keberkesanannya: Pembangunan Instrumen," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4, no. 3 (2021): 10-23.

<sup>10</sup> 'Sijil Halal dan Permit Halal,' Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, diakses pada 13 Januari 2022, <http://kheu.gov.bn/SiteCollectionDocuments/Pautan%20Pilihan/BKMH/Brochure%20SHLH%20A4%203%20copy.pdf>

mengadakan jerayawara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai halal.<sup>11</sup>

Menerusi strategi yang dilaksanakan oleh pihak BKMH selaku urusetia Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), proses pensijilan halal ini terbuka kepada pemohon-pemohon yang terdiri dari pengusaha-pengusaha makanan (tempatan atau termasuk orang luar).<sup>12</sup> Pensijilan halal ini melibatkan dua jenis pengeluaran iaitu sijil halal dan permit halal. Sijil halal adalah diperuntukkan khususnya bagi pemohon yang memiliki suatu perniagaan yang menyediakan makanan di suatu tempat seperti restoran, gerai atau kantin. Kategori ini termasuk pemohon yang menjalankan perniagaan membuat dan menjual makanan dari rumah terus kepada pelanggan, tanpa diedarkan kepada pemborong atau peruncit. Manakala permit halal pula dipohonkan oleh sesiapa yang memiliki suatu perniagaan yang menyediakan makanan bagi maksud mengedarkan kepada pemborong dan peruncit. Dengan permit halal ini, logo halal MUIB hendaklah dipamerkan atau diletakkan pada bungkusan produk-produk yang dipohonkan.<sup>13</sup>

## **PERNYATAAN MASALAH**

PSHLH<sup>14</sup> sudah digubal dan diwartakan pada tahun 2005 bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Maka dengan penggubalan perintah tersebut, BKMH telah diamanahkan untuk mengawal dan menangani segala urusan makanan halal di negara ini termasuk restoran, kedai makan, kilang produk makanan, tempat perniagaan dan seumpamanya. Pemantauan juga turut dilaksanakan terhadap pemohon-pemohon yang terdiri dari peniaga kecil-kecilan memandangkan peniaga-peniaga ini juga dikesan telah banyak menyediakan dan mengedarkan produk makanan kepada orang ramai.

<sup>11</sup> Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama (2015-2019)*, 2015.

<sup>12</sup> Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam*, <https://business.mofe.gov.bn/Presentation%20Slides/Tatacara%20Permohonan%20Pensijilan%20Halal.pdf>

<sup>13</sup> Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Bahagian Kawalan Makanan Halal*, 2017.

<sup>14</sup> Setelah ini Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 disingkat menjadi PSHLH.

Dari masa ke masa jualan makanan dan minuman yang tidak memiliki pensijilan halal semakin meningkat. Perkara ini menjadi suatu kerisauan kepada masyarakat Islam, khususnya dalam memilih penyediaan makanan, baik secara langsung maupun dalam talian, kerana status makanan dan minuman yang disediakan adalah meragukan. Kerisauan ini semakin bertambah, apabila pada tahun 2022, pihak BKMH telah mendapat bahawa terdapat 37 daripada 83 buah premis yang diperiksa, yang belum membuat permohonan sijil halal. Manakala enam buah premis pula menggunakan label atau logo halal Majlis Ugama Islam tanpa kebenaran dan dua buah premis mempamerkan sijil halal yang telah tamat tempoh.<sup>15</sup> Pada tahun yang sama, pemilik sebuah syarikat telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas pertuduhan gagal mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal bagi premis perniagaannya.<sup>16</sup> Selain itu, berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, pengkaji turut mendapat kebanyakan peniaga mulai giat mempromosikan produk-produk mereka melalui media sosial dan tempat-tempat penghantaran makanan seperti *cube*, gerai, kedai runcit dan sebagainya dan turut didapati kebanyakan produk yang dijual tidak memiliki dan memaparkan logo halal yang telah diiktiraf oleh JMUIB. Perkara sedemikian secara tidak langsung menimbulkan lagi keraguan akan kehalalan produk yang dijual. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan keyakinan pembeli akan kehalalan produk makanan dan minuman yang dihasilkan, para peniaga baik yang berbentuk makro maupun mikro hendaklah bertindak proaktif dengan membuat permohonan sijil/permit halal.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, maka kajian ini dilakukan untuk:

- 1) Mengenal pasti pengetahuan peniaga mengenai permohonan sijil/permit halal.
- 2) Menganalisis faktor yang menyebabkan peniaga belum memohon sijil/permit halal.

<sup>15</sup> Yusrin Junaidi, “*Sijil Halal: Syarikat dikesan lakukan kesalahan*”, Media Permata, 12hb Disember 2022, <https://mediapermata.com.bn/sijil-halal-syarikat-dikesan-lakukan-kesalahan/>

<sup>16</sup> Yusrin Junaidi, “*37 premis tanpa sijil halal di Menglait*”, Media Permata, 13hb Oktober 2022, <https://mediapermata.com.bn/37-premis-tanpa-sijil-halal-di-menglait-2/>

- 3) Mengetahui kesedaran peniaga terhadap permohonan sijil/permit halal.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen soal selidik menerusi *google form* telah dirangka dan diedarkan kepada orang awam yang berfokus kepada para peniaga kecil, baik yang meniaga secara dalam talian (*online*) maupun yang meniaga dengan cara menghantar produk makanan ke tempat perniagaan, seperti kedai runcit, gerai dan *cube*. Namun hanya 70 responden yang memberi maklum balas dan menjawab soal selidik yang diedarkan.

Item-item soalan dalam soal selidik dibina dan diadaptasi daripada pengkaji-pengkaji lepas.<sup>17 18 19</sup> Item soalan yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian merangkumi:

Bahagian A: Demografi Responden.

Bahagian B: Pengetahuan peniaga mengenai permohonan sijil/permit halal.

Bahagian C: Faktor yang menyebabkan peniaga belum memohon sijil/permit halal.

Bahagian D: Kesedaran peniaga terhadap permohonan sijil/permit halal.

Dalam instrumen ini, bagi responden yang belum memohon sijil/permit halal dikehendaki untuk menjawab Bahagian C. Manakala bagi responden yang sudah memohon sijil/permit halal pula dikehendaki menjawab Bahagian D.

Bagi penganalisisan data, dapatan kajian yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences (SPSS)* versi 25. Manakala dari segi penghuraian pula, kajian ini dihuraikan

---

<sup>17</sup> Nadrawani Isnin, NurFarhana binti Osman dan Nur Affida binti Sufian, “Halal Food Awareness and Non-Muslims Customers In Kota Samarahan Sarawak-A Preliminary Study,” (Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) X. At Universitas Mulawarman Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia, 2017), 1-9.

<sup>18</sup> Viverita, Kusumastuti dan Ratih Dyah, “Awareness of Halal Certification of Micro and Small Enterprises in Jakarta,” *International Journal of Economics & Management* 11, no. 2 (2017): 459-471.

<sup>19</sup> Amarul Amarul, Sukirno Sukrino dan Denny Kurnia, “Understanding the Awareness of the Importances of Halal Labels to Business Actors Based on Range of Long Business Variations”. *Business and Management Research* 8, No. 1(2019): 17-21.

secara deskriptif menggunakan interpretasi frekuensi dan peratusan mengikut paparan jadual.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini melibatkan seramai 70 orang responden yang terdiri daripada peniaga-peniaga kecil. Jadual 1 menunjukkan demografi responden merangkumi jantina, agama, lesen perniagaan, status permohonan permit/sijil halal dan jenis perniagaan.

Jadual 1: Demografi Responden

Bil.	Pembolehubah	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	18	25.7
		Perempuan	52	74.3
2	Agama	Islam	68	97.1
		Bukan Islam	2	2.9
3	Lesen perniagaan	Ada	31	44.3
		Tiada	34	48.6
		Dalam Proses	5	7.1
4	Status Permohonan Sijil/Permit Halal	Telah mendapat permit/sijil halal	9	12.9
		Sudah memohon (masih menunggu dikeluarkan)	7	10
		Belum memohon	54	77.1
5	Jenis perniagaan	Secara dalam talian ( <i>online</i> )	19	27.1
		Bukan dalam talian (penghantaran)	13	18.6
		Lain-lain	38	54.3
<b>Jumlah Responden (n)= 70</b>				

Jadual di atas menunjukkan majoriti peniaga adalah terdiri daripada perempuan iaitu seramai 52 orang (74.3%) berbanding lelaki hanya seramai 18 orang (25.7%). Dari aspek agama pula, majoriti peniaga adalah berugama Islam iaitu seramai 68 orang (97.1%), manakala dua orang (2.9%) lagi bukan berugama Islam. Dari aspek lesen perniagaan, seramai 31 orang (44.3%) memiliki lesen perniagaan, lima orang (7.1%) masih dalam proses, manakala peniaga kecil yang belum mempunyai lesen perniagaan pula ialah seramai 34 orang (48.6%). Status permohonan sijil/permit halal menunjukkan majoriti yang belum memohon sijil/permit

halal adalah seramai 54 orang (77.1%), manakala responden yang telah memiliki sijil/permit halal dan masih menunggu dikeluarkan adalah masing-masing seramai sembilan orang (12.9%) dan tujuh orang (10%). Dari aspek jenis perniagaan pula menunjukkan seramai 19 orang (27.1%) peniaga kecil meniaga secara dalam talian (*online*), manakala 13 orang (18.6%) pula meniaga dengan menghantar produk ke kedai runcit atau cube, dan selebihnya lagi iaitu seramai 38 orang (54.3%) meniaga dengan cara lain. Seterusnya diuraikan dapatkan bagi pengetahuan peniaga mengenai permohonan sijil/permit halal.

Jadual 2: Pengetahuan Peniaga Mengenai Permohonan Sijil/Permit Halal

Item	Penyataan	Tahap Persetujuan			
		Tidak Setuju		Setuju	
		n	%	n	%
B1	Saya mengetahui tentang permohonan sijil halal	5	7.1	65	92.9
B2	Saya mengetahui tentang permohonan permit halal	7	10	63	90
B3	Saya mengetahui perbezaan di antara sijil halal dan permit halal	16	22.9	54	77.1
B4	Saya menyedari tentang kewajipan memohon sijil halal bagi setiap peniaga	7	10	63	90
B5	Saya menyedari tentang kewajipan memohon permit halal bagi setiap peniaga	9	12.9	61	87.1

Jadual 2 memaparkan bahawa terdapat lebih daripada 75% daripada bilangan responden yang mempunyai pengetahuan mengenai permohonan sijil/permit halal, yang sekaligus menunjukkan bahawa responden mengetahui mengenai permohonan sijil/permit halal, perbezaan di antara keduanya dan kewajipan mereka sebagai peniaga produk makanan untuk memohon sijil/permit halal. Meskipun ramai yang mempunyai pengetahuan mengenai sijil/permit halal, namun hanya seramai 16 orang responden yang telah mempunyai atau baru memohon sijil/permit halal (rujuk Jadual 1). Manakala 54 orang belum lagi memohon sijil/permit halal, iaitu lebih 75% daripada bilangan responden. Ini bermakna meskipun mereka tahu mengenai sijil/permit halal, namun ianya belum mencukupi untuk meyakinkan mereka dalam membuat permohonan sijil/permit halal.

Jadual 3: Faktor yang Menyebabkan Belum Memohon Sijil/Permit Halal

<b>Item</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kekerapan</b>
		<b>n</b>
C1	Kurang pengalaman dalam pengurusan perniagaan	14
C2	Hanya bermiaga secara sambilan	35
C3	Permohonan bukan suatu keutamaan	6
C4	Menggunakan label halal sendiri	1
C5	Tiada maklumat mengenai permohonan	7
C6	Proses permohonan memakan masa dan kompleks	9
C7	Syarat-syarat yang ditetapkan sukar dipenuhi	10
C8	Tiada lesen perniagaan	15
C9	Tiada kemahiran dalam mengurus dokumen-dokumen permohonan	9
C10	Masalah kewangan	14
C11	Tempat tinggal berjauhan dari lokasi permohonan	3
C12	Keadaan dapur rumah kurang memenuhi syarat permohonan	10
C13	Takut permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat	15
C14	Produk masih bertahan walau tanpa logo halal	9
C15	Lain-lain	2
<b>Jumlah keseluruhan responden: 54 orang (belum memohon)</b>		

Jadual 3 di atas menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan responden belum memohon sijil/permit halal. Antara majoriti faktor ialah responden hanya meniaga secara sambilan, tidak mempunyai lesen perniagaan, takut permohonan akan ditolak kerana tidak memenuhi syarat, kurang pengalaman dalam mengurus perniagaan dan mempunyai masalah kewangan.

Jadual 4: Kesedaran Peniaga Terhadap Permohonan Sijil/Permit Halal

Item	Penyataan	Tahap Persetujuan					
		Tidak Setuju		Setuju		(Tidak menjawab)	
		n	%	n	%	n	%
D1	Saya memohon permit/sijil halal untuk memberi keyakinan kepada pembeli akan kehalalan produk yang dijual	1	6.3	15	93.8		
D2	Sijil/permit halal yang dimiliki dapat meningkatkan perniagaan saya	1	6.3	15	93.8		
D3	Saya memohon sijil/permit halal kerana untuk memenuhi kehendak Bahagian Kawalan Makanan Halal	1	6.7	14	93.3	1	6.7
D4	Saya memohon sijil/permit halal untuk mendapatkan peluang menghantar produk ke luar negeri	5	33.3	10	66.7	1	6.7
D5	Saya memohon sijil/permit halal kerana ianya satu amanah sebagai peniaga yang bertanggungjawab	2	12.5	14	87.5		

**Jumlah keseluruhan responden: 16 orang**

Manakala bagi responden yang sudah mempunyai atau baru memohon sijil/permit halal pula, terdapat beberapa rasional yang menyebabkan mereka memohon sijil/permit halal. Jadual 4 menunjukkan antara alasan utama yang diberikan ialah memberi keyakinan kepada pembeli akan kehalalan produk yang dijual, dapat meningkatkan perniagaan, untuk memenuhi kehendak BKMH dan melaksanakan amanah selaku peniaga yang bertanggungjawab.

## PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada 70 orang responden, hanya 16 orang yang telah memiliki atau memohon sijil/permit halal, manakala 54 orang selebihnya belum memiliki atau memohon sijil/permit halal. Menurut pengkaji, jumlah responden yang belum memohon ini cukup mengkhawatirkan, kerana tidak diketahui sama ada cara atau prosedur penyediaan makanan dan minuman telah menepati syarat-syarat dalam PSHLH atau sebaliknya. Oleh itu, pihak BKMH disarankan untuk membuat pemeriksaan bagi melaksanakan tindakan yang sepatutnya

kepada peniaga yang belum membuat permohonan sijil/permit halal, sekaligus bagi meningkatkan kesedaran mereka akan kepentingan memperoleh sijil/permit halal.

Seramai 16 responden yang telah memohon, menyedari akan kepentingan memiliki sijil/permit halal, baik itu untuk kepentingan keberlangsungan perniagaan mereka maupun bagi memenuhi tanggungjawab mereka sebagai peniaga muslim yang menyediakan dan menjual produk makanan halal. Manakala bagi yang belum memohon pula, antara faktor yang menyebabkan mereka belum memohon ialah kerana mereka meniaga secara sambilan, takut permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat, disebabkan keadaan dapur yang kurang sesuai, syarat-syarat yang sukar dipenuhi dan sebagainya. Berdasarkan Perintah Sijil halal dan Label Halal (Pindaan) 2017, faktor-faktor ini termasuk dalam Bab 49B di bawah kategori peniaga yang tidak dapat memenuhi kehendak dan garis panduan untuk diberikan Pensijilan Halal, iaitu bagi jenis perniagaan vendor makanan yang lazimnya *home-based*, gerai tetap dan gerai jangka pendek. Walau bagaimanapun, peniaga-peniaga perlulah membuat permohonan sijil/permit halal terlebih dahulu, sebelum diberikan pengecualian, yang bertujuan untuk memeriksa dan memastikan kehalalan bahan-bahan ramuan yang digunakan dalam menghasilkan produk makanan dan minuman.

Menurut pengkaji meskipun terdapat beberapa faktor yang menghalang atau menyukarkan peniaga untuk memohon sijil/permit halal seperti tiada lesen perniagaan dan mempunyai masalah kewangan, mereka tidak boleh memandang ringan isu kehalalan makanan yang disediakan. Hal ini juga boleh menimbulkan keraguan pada diri dan pelanggan jika terdapat sebarang unsur kesamaran dari segi status halal produk yang disediakan. Oleh itu, mereka sebaiknya berhati-hati dari syubhah dan menghindari dari yang haram. Sebagaimana bertepatan dengan hadith Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wassalam:

فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَرَأَ لِي بِنِهِ وَعَرَضَهُ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي  
الْحَرَامِ

“Maka barangsiapa yang takut melakukan syubhah, bererti dia telah menjaga agamanya dan kehormatannya. Dan siapa

*yang terjerumus ke dalam perkara-perkara yang syubhah,  
maka ia telah terjerumus ke dalam perkara yang haram.*<sup>20</sup>

Bagi faktor-faktor ini, pihak BKMH disarankan untuk mengambil kira tanggapan peniaga-peniaga kecil, agar mereka juga tidak ragu dan bersikap pesimis untuk membuat permohonan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa masih terdapat segelintir masyarakat di Negara Brunei Darussalam, khususnya peniaga muslim yang mengeluarkan produk makanan dan minuman yang kurang memberi perhatian terhadap isu pensijilan halal ini. Dapatkan kajian di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti peniaga yang telah membuat permohonan pensijilan halal adalah bagi meyakinkan pelanggan dan juga bagi meningkatkan perniagaan mereka. Manakala bagi peniaga yang belum memohon pula ialah kerana menjalankan perniagaan secara sambilan, tiada lesen perniagaan dan takut permohonan tidak memenuhi syarat. Dalam pada itu, pihak BKMH dengan agensi-agensi yang berkaitan perlulah meningkatkan kerjasama secara bersepadu dalam membuat pemantauan, bukan sahaja menumpukan proses pensijilan halal kepada peniaga yang baru dan yang telah membuat permohonan, malah turut giat berusaha meneliti keperluan para peniaga kecil-kecilan bagi memudahkan mereka memohon dan menjalankan perniagaan mereka seperti peniaga-peniaga yang lain. Pengkaji juga turut mencadangkan agar pihak berkepentingan akan dapat membuat undang-undang yang mewajibkan agar kedai runcit, gerai atau *cube* yang menyimpan dan menjual makanan bagi pihak peniaga untuk memastikan bahawa sebelum peniaga berniat untuk menghantar produk makanan ke premis perniagaan, peniaga diwajibkan untuk membuat permohonan permit halal terlebih dahulu. Undang-undang ini setentunya akan dapat membantu BKMH dalam menguatkuasakan PSHLH. Masyarakat juga perlu mengamalkan sikap peka dan berusaha untuk mengambil tahu maklumat-maklumat berkaitan penjualan makanan dan minuman halal sepertimana yang telah ditetapkan di bawah PSHLH.

---

<sup>20</sup> Sharḥ Imām Muḥyī al-Dīn al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 11-12 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2010), 29, Kitāb al-Musāqāh, Bāb Akhidhu al-Ḥalāl wa Tarki al-Shubhāt, no. ḥadīth 4080.

## RUJUKAN

- Ahmad Hidayat dan Zulzaidi, “Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 20, no. 2 (2012): 271-288.
- Amarul Amarul, Sukirno Sukrino, Denny Kurnia, “Understanding the Awareness of the Importances of Halal Labels to Business Actors Based on Range of Long Business Variations”. *Business and Management Research* 8, No. 1(2019): 17-21.
- Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama. *Sijil Halal dan Permit Halal*. Disember 2016. [http://kheu.gov.bn/SiteCollectionDocuments/Pautan%20Pilihan/BK\\_MH/Brochure%20SHLH%20A4%203%20copy.pdf](http://kheu.gov.bn/SiteCollectionDocuments/Pautan%20Pilihan/BK_MH/Brochure%20SHLH%20A4%203%20copy.pdf)
- Irsyad Hukum, *Himpunan Siri Bimbingan Hukum Di Pelita Brunei*, (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, 2011), 176-178.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Bahagian Kawalan Makanan Halal*, 2017.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama (2015-2019)*, 2015.
- Mohammad Firdaus, Faiqah Mawardi dan Sylvia Nabila, *Halal Logistik: Kesedaran Konsumen Terhadap Pengendalian dan Penyimpanan Produk Makanan*, (Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-10, Universitas Mulawarman, Samarinda, 2017), 215-219.
- Nadrawani Isnin, NurFarhana binti Osman dan Nur Affida binti Sufian, “Halal Food Awareness and Non-Muslims Customers In Kota Samarahan Sarawak-A Preliminary Study,” (Conference: Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) X. At Universitas Mulawarman Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia, 2017), 1-9.
- Norkhairiah Hashim, “Proses Pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam dan Keberkesanannya: Pembangunan Instrumen,” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4, no. 3 (2021): 10-23.
- Sharḥ Imām Muhyī al-Dīn al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 11-12 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2010), 29, Kitāb al-Musāqāh, Bāb Akhidhu al-Halāl wa Tarki al-Shubhāt, no. *hadīth* 4080.

Sharḥ Imām Muḥyī al-Dīn al-Nawawī, *Šaḥīḥ Muslim*, vol. 7-8 (Bayrūt: Dār al-Makrifah, 2010), 101-102, Kitab Zakah, Bāb Qabul Al-Sadaqah Min al-Kasb al-Tayyib wa Tarbituha, no. *hadīth* 2343.

Siti Radhiah dan M. Shahrim, *Bab 3: Halalan Toyyiban: Perspektif Isu Logo Halal, Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*. (Universiti Putra Malaysia: Institut Penyelidikan Produk Halal, 2013), 30-60.

Viverita, Kusumastuti dan Ratih Dyah, “Awareness of Halal Certification of Micro and Small Enterprises in Jakarta,” *International Journal of Economics & Management* 11, no. 2 (2017): 459-471.

Yusrin Junaidi, “*Sijil Halal: Syarikat Dikesan Lakukan Kesalahan*,” Media Permata, 12hb Disember 2022, <https://mediapermata.com.bn/sijil-halal-syarikat-dikesan-lakukan-kesalahan/>

Yusrin Junaidi, “*37 Premis Tanpa Sijil Halal di Menglait*,” Media Permata, 13hb Oktober 2022, <https://mediapermata.com.bn/37-premis-tanpa-sijil-halal-di-menglait-2/>